



Issu - isu
**Pembangunan
Komuniti
Luar Bandar**
di Malaysia

Editor:

Salfarina Abdul Gapor, Daniel Ugih Echoh & Novel Lyndon

Isu-Isu Pembangunan Komuniti Luar Bandar di Malaysia
©UTS Publisher, 2022

Perpustakaan Negara Malaysia Cataloguing-in Publication Data

Isu-Isu Pembangunan Komuniti di Luar Bandar Malaysia / editor Salfarina
Abdul Gapor, Daniel Ugih Echoh dan Novel Lyndon

ISBN 978-629-97288-0-1

1. Isu-Isu. 2. Pembangunan Komuniti. 3. Luar Bandar. 4. Malaysia.
I. Salfarina Abdul Gapor. II. Daniel Ugih Echoh. III. Novel Lyndon

UTS Publisher
University of Technology Sarawak (UTS)
No 1 Jalan Universiti
96000 Sibu, Sarawak, Malaysia.

Editor Naskhah: Salfarina Abdul Gapor
Pereka Bentuk Kulit Buku: Nur Azura Mohamad
Pembaca Pruf: Daniel Ugih Echoh & Salfarina Abdul Gapor
Pengatur Huruf: Nur Azura Mohamad
Pewasit: Sarjit Singh Gill
Dicetak oleh: Vicskill Printing Sdn. Bhd.
RM 50.00

Isu-Isu Pembangunan Komuniti Luar Bandar di Malaysia

Editor

Salfarina Abdul Gapor
Universiti Teknologi Sarawak

Daniel Ugih Echoh
Universiti Malaysia Sarawak

dan

Novel Lyndon
Universiti Kebangsaan Malaysia



Bab 3

ADAT, BUDAYA DAN AMALAN PESAWAH IBAN DALAM AKTIVITI PENANAMAN PADI DI KUALA TATAU, SARAWAK

Daniel Ugih Echoh & Salfarina Abdul Gapor

PENGENALAN

Komuniti Iban mengamalkan pelbagai adat, budaya dan amalan dalam aktiviti penanaman padi. Namun begitu, pengaruh pembangunan lazim dalam sektor pertanian telah menyebabkan identiti asal kaum ini semakin terancam. Pembangunan sektor pertanian tidak berlaku dalam satu vakum kerana ia mempunyai hubungkait dengan alam sekitar dan sosio-budaya petani (Ohmart, 2002). Transisi dalam sistem pertanian juga menyebabkan berlakunya perubahan dari segi aspek sosial, politik, budaya dan isu gender dalam pertanian (Ireson, 1996; Scott, 2003). Reformasi dalam sektor pertanian juga mengubah corak sistem pertanian tradisional kerana proses transformasi menyebabkan pesawah kehilangan ciri-ciri asal pesawah tradisional dan beralih kepada kategori kerja bukan pertanian (Wan Hashim, 1984). Menurut Surasin (1996), pemodenan menyebabkan masyarakat ditekan untuk membekalkan sumber yang diperlukan bagi menampung keperluan hidup yang bergantung kepada pasaran dan nilai-nilai individualistik. Akhirnya, pesawah hilang identiti dan amalan hidup yang berpandukan ilmu pengetahuan tempatan telah terhakis (Pulido dan Bocco, 2003). Bab ini membincangkan adat-adat, budaya dan amalan pesawah Iban dalam aktiviti menanam padi di Kuala Tatau. Kuala Tatau terletak dalam pentadbiran Daerah Tatau dan Bahagian Bintulu seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 3.1. Fokus perbincangan bab ini adalah mengenai pesawah padi Iban di kampung Kuala Serupai dan Sungai Semanok yang terletak di Kuala Tatau.



Rajah 3.1: Kedudukan Kuala Tatau
(Sumber: <https://www.mapsofworld.com>)

AMALAN PESAWAH IBAN DALAM AKTIVITI MENANAM PADI

Komuniti Iban mengamalkan *pengarap lama* atau kepercayaan tradisional, mengadakan upacara ritual dan keagamaan (Melling, 1988). Kepercayaan terhadap nasib baik dan buruk ini adalah satu proses pengadaptasian masyarakat Iban terhadap alam semulajadi dan hubungan mereka dengan alam. Jensen (1974) menyatakan masyarakat Iban percaya terhadap konsep Tuhan sebagai suatu kuasa luar biasa di mana mereka menyebut ‘*petara nadai enda manah; bisi utai ditulung sida*’ yang bermaksud Tuhan baik dan menolong manusia dalam semua perkara. Komuniti Iban juga menyambut pelbagai jenis perayaan besar yang bertujuan memuja, menyampaikan niat, memohon rezeki dan berdoa untuk mendapat kehidupan yang lebih baik.

Kajian Jackson (1976) mengenai komuniti Iban dalam aktiviti penanaman padi mendapati pesawah Iban akan memilih tempat untuk menanam padi, iaitu sebelum kerja-kerja pembersihan hutan dilakukan. Kawasan yang telah dipilih akan dibersihkan dan dibiarkan kering pada sekitar bulan Jun dan Julai. Selepas kayu-kayan yang ditebang kering, aktiviti pembakaran akan dilakukan pada bulan Ogos sehingga September. Keputusan ini dibuat berdasarkan keadaan iklim dan kerja-kerja tersebut berterusan mengikut

saiz bendang (Jackson, 1976; Freeman, 1955). Penanaman padi dilakukan selepas itu dan mungkin diteruskan sehingga bulan Oktober. Benih akan dimasukkan ke dalam lubang yang telah dibuat menggunakan tugal. Menurut Freeman (1955), kerja-kerja menanam padi dilakukan secara bergotong-royong kerana budaya pesawah Iban dalam aktiviti menanam padi mewajibkan aktiviti tersebut disiapkan dalam tempoh satu hari dan sebelum matahari terbenam. Sekiranya kerja-kerja menanam tidak siap pada hari tersebut, bekas-bekas yang digunakan untuk menanam padi tidak boleh dipindahkan daripada tempat padi mula ditanam pada hari tersebut. Sekiranya bekas tersebut dipindahkan, pesawah dilarang turun ke bendang pada keesokan hari. Pesawah hanya boleh meneruskan kerja-kerja menanam padi selepas hari ke tiga daripada hari menanam padi tersebut. Kegagalan pesawah mengikut pantang larang tersebut menyebabkan keluarga mereka berdepan dengan malapetaka. Hal ini demikian kerana pesawah Iban percaya padi yang baharu ditanam mempunyai semangat yang suci dalam kehidupan mereka (Freeman, 1955).

Bagi menjaga padi pula, pesawah akan melakukan kerja-kerja merumput selepas benih padi ditanam (Jackson, 1976). Kerja-kerja merumput dijalankan secara bergotong-royong dan berterusan sehingga padi hampir masak pada bulan Januari (Freeman, 1955). Biasanya, musim menuai akan bermula pada bulan Mac dan April. Bagi pesawah Iban, padi perlu dituai menggunakan tangan mengikut adat yang telah ditetapkan. Semasa musim menuai, pesawah akan membina pondok kecil sebagai tempat bermalam sepanjang musim menuai (Freeman, 1955). Pondok tersebut turut digunakan untuk menyimpan padi sementara menunggu kerja-kerja mengangkut padi ke rumah. Selepas aktiviti menuai, padi akan dibawa balik ke rumah panjang untuk dipisahkan daripada tangkai secara tradisional.

Padi yang telah dipisahkan daripada tangkai dijemur menggunakan tikar rotan dan kulit kayu. Aktiviti seterusnya adalah menampi padi dan diikuti dengan upacara menyimpan padi ke dalam tong-tong (Jackson, 1976). Padi tersebut akan disimpan di dalam '*tibang*' iaitu tempat menyimpan padi yang diperbuat daripada kulit kayu. Padi akan disimpan ke dalam bekas tersebut semasa anak bulan sabit menjelma buat kali pertama pada bulan tersebut. Padi yang disimpan selepas waktu tersebut akan menyebabkan rezeki pesawah berkurangan. Kepercayaan dan upacara-upacara memuja padi mencerminkan pentingnya padi dalam kehidupan pesawah Iban (Mohd. Taib, 1989). Di samping itu, Mohd Taib (1989) juga menyatakan bahawa

kepercayaan atau amalan penanaman padi dalam kalangan pesawah Iban turut mempunyai semangat. Mereka juga melakukan upacara serta amalan merujuk bintang di langit sebagai alat untuk menentukan masa yang sesuai bagi penanaman padi.

Sementara itu, Muhammad Harun (2007) menjelaskan bahawa pesawah Iban turut melakukan upacara tarian untuk memuja semangat padi. Tarian Tolak Bala atau *Tarian Sigar* dilakukan selepas tamatnya musim menuai. Bagi pesawah, tarian tersebut merupakan tanda kesyukuran pesawah Iban kepada penunggu yang telah membantu mereka dalam pertanian. Hadiah pemujaan seperti buah-buahan, ketupat dan telur disediakan untuk penunggu dengan meletakkan bahan tersebut di dalam bakul buluh yang dipanggil “*taya*”. Komuniti Iban juga dilarang membuang lebihan makanan yang diperbuat daripada beras kerana dipercayai boleh menghilangkan semangat padi. Pesawah lelaki pula dilarang makan sambil berjalan ke sawah kerana dipercayai boleh menyebabkan rezeki berkurangan (Muhammad Harun, 2007). Hasil kajian oleh Jackson (1976), Mohd Taib (1989) dan Muhammad Harun (2007) menunjukkan pesawah Iban di Sarawak masih mengamalkan pelbagai adat, budaya dan amalan dalam aktiviti penanaman padi.

AKTIVITI PENANAMAN PADI KALAM KALANGAN PESAWAH IBAN DI KUALA TATAU

Perbincangan mengenai adat, budaya dan amalan yang diamalkan oleh pesawah Iban di Kuala Tatau bermula daripada kerja-kerja membersihkan hutan sebagai kawasan untuk menanam padi sehingga ke peringkat menyimpan padi.

Membersihkan Hutan

Sebelum kerja-kerja pembersihan hutan dilakukan, pesawah Iban akan memilih kawasan untuk menanam padi dengan melakukan upacara *manggul*. *Manggul* adalah upacara yang dilakukan oleh pesawah Iban untuk memohon keizinan daripada ‘tuan tanah’ atau roh tanah untuk membersihkan hutan. Upacara ini dilakukan dalam masa yang singkat. Pesawah hanya menebas kawasan rumput dalam saiz yang kecil. Lazimnya, upacara ini dilakukan pada *bulan lapan Perintah* atau pada awal bulan Julai. Awal bulan adalah masa yang sesuai untuk upacara ini kerana kemunculan anak bulan menandakan musim yang baik untuk memulakan aktiviti di bendang. Manakala *bulan*

surut yang bermaksud bulan semakin mengecil selepas hari ke lima belas pula menandakan musim yang tidak sesuai untuk melakukan kerja-kerja di bendang. Terdapat juga pesawah yang tidak melakukan upacara *manggul* kerana kawasan untuk menanam padi yang tidak ada hutan. Ini berpunca daripada sistem tanaman pusingan atau hutan telah ditebang. Upacara *manggul* yang dilakukan oleh pesawah di Kuala Serupai dan Sungai Semanok adalah berbeza. Di Sungai Semanok, pesawah melakukan upacara *miring* yang bertujuan memohon restu dan berkat daripada *petara*. Berkat tersebut bermaksud padi bebas daripada perosak, penyakit, hasil yang banyak dan berkualiti. Bagi pesawah di Kuala Serupai yang telah menganuti agama Kristian pula, upacara *manggul* dilakukan dengan cara bersembahyang. Mereka berdoa kepada Tuhan supaya padi yang ditanam di kawasan tersebut membesar dengan baik, bebas daripada perosak dan mendoakan perkara yang sama seperti pesawah di Semanok. Aktiviti sembahyang biasanya diketuai oleh pesawah lelaki yang pandai membaca dengan merujuk buku *Adat Bumai Dalam Kristian* yang bermaksud Adat Menanam Padi Dalam Kristian. Di samping itu, terdapat juga pesawah wanita yang tidak pandai membaca yang mengetuai aktiviti sembahyang tersebut.

Mereka menghafal ayat-ayat yang diungkap semasa sembahyang, berdasarkan pengalaman serta pemerhatian daripada orang lain yang arif. Kerja-kerja di bendang dilakukan melalui amalan *berduruk* di mana pesawah saling membantu antara satu sama lain tanpa mengenakan upah. Semua pesawah yang terlibat akan membantu pesawah lain secara bergilir-gilir. Fokus kerja adalah tertumpu kepada aktiviti berkaitan dengan penanaman padi. Pesawah juga bersepakat menetapkan aktiviti di bendang dilakukan secara serentak. Ini merangkumi tarikh membersihkan hutan dan pelbagai aktiviti di sepanjang musim menanam padi. Dalam konteks pembakaran kawasan hutan, kesepakatan dalam aktiviti pembakaran ini penting supaya api tidak merebak ke kawasan bendang pesawah lain dan kawasan yang tidak diingini. Sekiranya perkara ini berlaku, pelaku akan berdepan dengan *ukum* atau *kena adat* yang bermaksud denda yang dikenakan oleh ketua kampung atau pemilik tanah. Pesawah di Kuala Tatau juga mengamalkan sistem menanam padi secara *berdandang*. Dalam sistem ini, terdapat sekurang-kurangnya dua orang pesawah menanam padi bersebelahan dengan bendang pesawah lain di kawasan yang sama. Pembahagian tugas antara gender juga berlaku. Kerja-kerja meracun dan menebas menggunakan mesin dilakukan oleh pesawah lelaki. Sementara pesawah wanita pula menebas tumbuh-tumbuhan kecil serta melakukan pembakaran secara kecil-kecilan. Dari segi lokasi menanam

padi pula, kebanyakan pesawah hanya menanam padi di kawasan sama. Oleh itu, aktiviti menebang tidak dilakukan. Pesawah hanya menebas, meracun dan membakar.

Menyemai Benih

Aktiviti menanam benih padi atau *nyemai* didahului dengan upacara menghantar benih padi ke bendang. Pesawah di Kuala Tatau menyebut aktiviti ini sebagai *ngelabuh benih*. Di Sungai Semanok, aktiviti ini dilakukan dengan membawa *piring* yang dikenali sebagai *piring tanah* untuk diberi kepada roh yang digelar *Pulang Gana*. Piring merupakan bahan-bahan yang digunakan semasa upacara *miring* yang terdiri daripada nasi, air tuak, telur ayam, rokok nipah, tembakau dan sebagainya. Aktiviti membenih padi dilakukan pada bulan Julai yang juga dikenali sebagai *bulan lapan perintah* bagi pesawah Iban di Kuala Tatau, di mana anak bulan baru muncul. Pemilihan hari untuk melakukan penyemaian anak benih dilakukan dengan melihat kehadiran anak bulan. Bagi menentukan tarikh ini, pesawah di Kuala Serupai akan merujuk bintang di langit. Pemerhatian terhadap kemunculan bintang dilakukan pada awal pagi iaitu sebelum matahari terbit. Kehadiran tiga atau tujuh anak bintang yang dikenali sebagai *bintang banyak* yang terdiri daripada *Bintang Tiga* dan *Bintang Tujuh*. Kehadiran kedua-dua jenis bintang ini menunjukkan tibanya waktu yang sesuai untuk menyemai benih padi. Musim hujan adalah tidak sesuai untuk menyemai benih kerana melambatkan proses pertumbuhan benih. Benih akan ditutup oleh lapisan tanah yang bergerak semasa hari hujan. Cuaca yang terlalu panas juga tidak sesuai untuk menyemai benih kerana tanah terlalu kering dan kekurangan air. Ini kerana proses pertumbuhan benih memerlukan kadar kelembapan yang sederhana. Sebelum menanam padi, pesawah akan memilih benih-benih padi yang akan ditanam.

Lazimnya, pemilihan benih dilakukan selepas kerja-kerja melerai padi dilakukan. Pesawah akan mengasingkan padi kepada dua kategori iaitu untuk dijadikan benih dan padi yang akan diproses untuk kegunaan isi rumah atau dijual. Benih padi hendaklah bebas daripada sebarang penyakit dan masalah gangguan perosak. Kerja-kerja memilih benih dilakukan oleh pesawah wanita kerana mereka lebih mahir mengenalpasti benih yang berkualiti. Pesawah juga mengamalkan amalan bertukar-tukar benih padi tempatan dengan pesawah di kampung-kampung berdekatan termasuk dari daerah lain. Antara contoh baka benih yang ditanam adalah seperti *ensurai*, *nanga*, *bario*, *pulut*, *pusu* dan sebagainya. Dari segi peralatan menyemai pula, pesawah

menggunakan tugal yang diperbuat daripada kayu belian dan pelbagai jenis kayu yang keras dan berat. Terdapat dua jenis tugal yang digunakan iaitu tugal bermata satu dan tugal banyak mata. Pesawah lelaki akan menugal manakala pesawah wanita pula bertanggungjawab menyemai benih ke dalam lubang tanah yang telah ditugal. Kebanyakan kerja-kerja menugal dilakukan oleh pesawah lelaki terutamanya menugal menggunakan tugal banyak mata yang lebih besar dan berat. Namun begitu, terdapat juga pesawah wanita yang menugal secara bersendirian kerana suami bekerja di luar kawasan kampung terutamanya di Bintulu. Hanya segelintir pesawah yang menggunakan tugal banyak mata berikutan tanah di sesetengah kawasan yang keras. Tambahan pula, kebanyakan pesawah berumur dan tidak berupaya menggunakan tugal tersebut kerana lebih berat berbanding tugal satu mata.

Basu Abu

Basu abu merupakan upacara yang dilakukan selepas kerja-kerja membenih tamat. Pesawah akan membawa sedikit hasil daripada pembakaran yang dilakukan. Abu tersebut digaul dengan air tuak dalam satu bekas. Air tuak merupakan sejenis minuman keras yang dibuat melalui proses penapaian menggunakan ragi dan beras pulut. Dalam upacara ini, pesawah lelaki akan melontar telur ayam mentah ke dinding *ruai* rumah panjang. *Ruai* merupakan ruang tanpa dinding yang terletak sebelum kaki lima di sesebuah rumah panjang. Ruangan ini dikongsi bersama penghuni rumah panjang lain dan dijadikan sebagai tempat untuk melakukan aktiviti sosial seperti perayaan. Abu yang telah digaul dengan air tuak akan disapu pada tempat telur dipecahkan pada dinding *ruai*, iaitu pada paras tertinggi boleh dicapai. Pesawah akan mendoakan agar hasil padi tinggi seperti paras dinding yang disapu menggunakan abu tersebut, bebas daripada gangguan perosak dan pesawah memperoleh banyak rezeki.

Memindahkan Anak Benih

Setelah sebulan ditanam, anak padi tersebut akan dipindahkan ke tapak semaian baru. Kerja-kerja memindahkan anak padi ke tapak semaian baru dikenali sebagai *bertambak*. Ini dilakukan untuk membolehkan anak padi cepat membesar tanpa bersaing dengan anak padi lain yang dihasilkan oleh padi induk. Kaedah ini juga membolehkan anak padi mendapatkan udara dan nutrien yang secukupnya. Pesawah terlebih dahulu mengenalpasti anak padi yang sihat dan berkualiti. Anak padi tersebut dibahagikan kepada beberapa

tangkai kecil. Terdapat dua jenis masalah padi iaitu padi sakit dan padi yang dimakan perosak. Padi yang dimakan perosak seperti ulat dan serangga biasanya mengalami kerosakan pada bahagian pucuk muda dan daun yang bergulung.

Manakala padi yang dijangkiti penyakit hangus pula berwarna kuning. Padi yang sesuai ditanam semula adalah berwarna hijau, tidak reput dan bebas daripada dimakan serangga atau perosak. Ciri-ciri padi yang tidak sihat adalah berbintik merah atau sakit merah, daun berwarna hitam dan pokok yang reput kerana diserang penyakit hangus. Sekiranya daun padi rosak, berwarna kuning dan dimakan serangga, bahagian tersebut hendaklah dipotong dan dibuang supaya tidak menjangkiti anak padi yang lain. Pemindahan padi juga membolehkan aktiviti merumput dan meracun dapat dilakukan dengan mudah kerana jarak antara anak padi semakin besar. Padi yang telah melalui proses ini akan cepat membesar daripada rumput yang telah dibakar berbanding dengan padi yang ditanam secara menugal. Kerja-kerja ini dilakukan secara bergotong-royong oleh pesawah wanita dan lelaki.

Penjagaan Padi

Pesawah menggunakan *Ubat Pemali Umai* untuk menjaga padi daripada diserang perosak dan penyakit. *Ubat Pemali Umai* tersebut yang berisi minyak diperolehi daripada nenek moyang pesawah. Ubat tersebut akan disapu pada salah satu pokok padi dan pesawah berdoa agar padi bebas daripada perosak dan penyakit. Pesawah yang menggunakan ubat tersebut tidak boleh disapa atau disoal semasa melakukan kerja-kerja menyemai padi. Ini kerana perbuatan tersebut dipercayai menyebabkan pertumbuhan padi terbantut, diserang penyakit, perosak dan hasil padi berkurangan. Walaupun begitu, pantang larang setiap ubat yang dimiliki oleh pesawah adalah berbeza mengikut keturunan keluarga pesawah, jenis ubat dan pemilik asal ubat tersebut.

Seterusnya, adalah larangan makan buah terung sepanjang musim menuai. Rasional larangan ini adalah kerana pengalaman pesawah mendapati perbuatan tersebut menyebabkan hasil padi berkurangan dan stok padi cepat habis. Pesawah juga memasang pukut dan jerat untuk menjerat perosak seperti burung, babi, rusa, monyet dan sebagainya. Terdapat juga pesawah yang membakar kayu sambil berjalan mengelilingi kawasan bendang. Asap tersebut digunakan untuk menghalau perosak halus seperti burung, semut

dan serangga lain lari dari kawasan bendang. Hakikatnya, kerja-kerja penjagaan padi dilakukan sepanjang musim menanam padi. Pesawah akan membersihkan kawasan huma dengan cara membuang dan membakar dahan-dahan kayu dan dahan kelapa yang jatuh di kawasan padi. Ini penting kerana dahan yang dibiarkan jatuh di kawasan padi menyebabkan perosak bersarang dalam dahan tersebut. Pesawah juga dilarang menebang pokok, menebas atau mengheret objek seperti dahan kelapa dan dahan kayu yang jatuh semasa padi berbuah. Perbuatan tersebut akan menarik perhatian perosak yang berada di kawasan bendang terganggu dan berkeliaran di kawasan bendang.

Di Sungai Semanok, pesawah patuh kepada pesanan nenek moyang mereka yang melarang pesawah menghalau burung pipit yang memakan padi di bendang. Ini kerana burung pipit tersebut hanya memakan padi dalam kuantiti yang sedikit sahaja. Pesawah percaya kepada cerita nenek moyang yang menyatakan bahawa asal usul kewujudan padi adalah daripada burung pipit. Kepercayaan tersebut menyatakan bahawa burung pipit membuang biji padi dari langit dan jatuh ke atas tikar padi pada suatu ketika dahulu. Sebab itulah burung pipit akan wujud di mana-mana kawasan penanaman padi. Selain itu, pesawah juga menggunakan baja untuk meningkatkan kadar pengeluaran dan kualiti padi.

Menuai

Sebelum aktiviti menuai atau *ngetau* secara besar-besaran dilakukan, pesawah akan melakukan upacara *ngambi tangkai*. Pesawah mengambil beberapa tangkai padi sebagai simbolik bermulanya musim berpantang dan menuai. Padi yang diambil adalah padi yang telah masak iaitu berwarna jernih dan kuning. Pesawah hanya menuai beberapa tangkai padi di mana tujuh pokok padi diikat membentuk satu ikatan menggunakan benang merah. Ikatan tersebut akan dibuka apabila tamatnya musim menuai. Padi tersebut merupakan padi yang terakhir dituai apabila musim menuai tamat. Kerja-kerja menuai yang sebenar akan dilakukan pada hari keempat di mana pesawah akan menuai sepanjang hari tersebut sehingga ke tamatnya musim menuai. Namun begitu, wujud perbezaan upacara ini yang diamalkan oleh pesawah di Sungai Semanok dan Kuala Serupai. Pesawah di Sungai Semanok membawa pelbagai peralatan untuk melakukan upacara *miring* dan menyembelih ayam. Beberapa butir nasi dilekatkan pada raga kecil yang dikenali *sintung*, iaitu alat untuk menyimpan padi semasa kerja-kerja menuai di lapangan sedang dilakukan. Pesawah di Serupai mengamalkan larangan memakan buah terung

seperti yang dibincangkan di bahagian penjagaan padi. Manakala pesawah di Sungai Semanok pula mengamalkan pantang larang yang melarang pesawah menuai padi pulut serentak habis dengan padi lain.

Perbuatan tersebut dipercayai boleh menyebabkan kematian ketua keluarga atau anak bujang dalam keluarga tersebut. Pantang ini biasanya diamalkan oleh pesawah yang ada *ubat padi*. Aktiviti menuai diakhiri dengan upacara *ngambi jerami* seperti yang dibincangkan di bahagian awal bab ini. Di Sungai Semanok, pesawah yang masih percaya kepada animisme melakukan upacara tersebut dengan melakukan upacara *miring*. Upacara *miring* dilakukan dengan menyapu bulu ayam yang telah disapu dengan darah ayam pada jerami yang akan diambil. Pesawah akan berdoa dengan memohon restu daripada semangat padi supaya pesawah boleh melakukan aktiviti menebas kawasan padi yang telah dituai, iaitu selepas tamatnya musim berpantang. Selain itu, ada juga pesawah yang berdoa supaya roh padi yang tercicir di bendang semasa aktiviti menuai dilakukan dapat dibawa balik ke rumah. Bagi pesawah Kristian di Kuala Serupai pula, aktiviti mengambil jerami dilakukan secara ringkas melalui aktiviti bersembayang.

Mengirik

Walaupun kerajaan telah membekalkan mesin mengirik atau *ngindik* padi, tetapi pesawah lebih gemar menggunakan kaedah tradisional. Mesin tersebut kurang sesuai untuk memproses baka padi tempatan kerana biji padi masih melekat pada tangkai asal. Terdapat dua kaedah mengirik yang dipraktikkan pesawah di kedua-dua kampung tersebut iaitu mengirik di atas *lantai panggau* dan di atas tikar biasa yang dianyam. *Lantai panggau* merupakan tempat khas yang digunakan untuk mengirik padi yang direka seperti meja. Ketinggian dan saiz *lantai panggau* tersebut bergantung kepada pesawah sendiri. Rajah 3.2 menunjukkan tikar khas yang diperbuat daripada rotan yang digunakan semasa mengirik padi.



Rajah 3.2: Tikar khas yang digunakan untuk Mengirik
(Sumber: Daniel Ugih, 2013)

Kebanyakan kerja-kerja mengirik di atas *lantai panggau* dilakukan oleh pesawah berumur yang masih mempunyai tikar rotan tersebut. Pesawah muda tidak mahir membuat peralatan tersebut dan berdepan dengan masalah mendapatkan kayu, rotan dan nibong sebagai bahan utama peralatan tersebut. Tambahan pula, saiz tanaman padi yang sedikit juga tidak memerlukan *lantai panggau* dan kerja-kerja mengirik boleh dilakukan di atas lantai beralaskan tikar. Pembahagian tugas antara pesawah lelaki dan wanita untuk kedua-dua kaedah mengirik ini berbeza.

Penggunaan *lantai panggau* memerlukan tenaga lelaki untuk mendirikan peralatan tersebut. Pesawah wanita bertanggungjawab menyediakan tikar, penampi, guni dan padi yang akan diproses. Pesawah lelaki akan melakukan kerja-kerja mengirik di atas *lantai panggau* dan tikar manakala pesawah wanita bertanggungjawab mengasingkan biji padi yang telah berpisah dengan tangkai. Pemilihan ini dibuat untuk memastikan biji padi tersebut tanggal daripada tangkai dengan sepenuhnya. Kerja-kerja ini juga dikenali sebagai *ngeruman padi* manakala tangkai-tangkai padi yang telah dipisahkan dengan biji padi dikenali sebagai *ruman*. *Ruman* padi dijadikan sebagai makanan tambahan ternakan seperti ayam dan itik. Rajah 3.3 menunjukkan *ruman* padi.



Rajah 3.3: Ruman Padi
(Sumber: Daniel Ugih, 2013)

Bagi memastikan biji padi tersebut betul-betul bersih, pesawah wanita akan menampi biji padi tersebut. Pesawah juga membersihkan padi tersebut menggunakan angin semula jadi di perkarangan rumah. Terdapat juga pesawah lelaki yang membantu pesawah wanita mengipas menggunakan penampi. Mesin rumput diadaptasi sebagai kipas, di mana pesawah mencipta bilah pengipas yang diperbuat daripada paip plastik. Selain itu, pesawah juga menggunakan kipas dan mesin meracun yang mempunyai kekuatan penyemburan angin yang tinggi untuk aktiviti tersebut.


Mengilang Padi

Pesawah di Kuala Serupai mengilang atau *nginjin* padi menggunakan mesin yang telah dibekalkan oleh kerajaan. Manakala pesawah di Sungai Semanok pula menggunakan mesin persendirian dan terdapat juga pesawah yang menyewa daripada pesawah lain di kampung tersebut. Sebelum proses mengilang dilakukan, pesawah wanita akan menjemur padi sehingga masak. Rasionalnya, padi yang tidak cukup masak akan hancur dan menghasilkan beras yang kurang berkualiti. Bagi mengenalpasti padi yang dijemur sudah cukup masak atau sebaliknya, pesawah perlu membelah biji padi tersebut menggunakan gigi. Biji padi yang masak bersifat rapuh dan mudah dipecahkan. Semasa aktiviti mengilang, pesawah lelaki bertanggungjawab mengawal mesin tersebut, mengangkat padi dari rumah ke tempat mengilang dan begitu juga selepas aktiviti tersebut tamat. Pesawah wanita pula

bertanggungjawab memasukkan beras dan sekam ke dalam guni atau bekas berasingan. Sekiranya beras yang telah dikilang kurang bersih dan masih bercampur dengan kulit padi, pesawah wanita akan membersihkan beras tersebut menggunakan angin. Kulit padi atau sekam akan digunakan untuk mencampur sisa makanan binatang ternakan seperti babi, ayam, itik dan ikan ternakan dalam kolam.

KEPERCAYAAN DAN PANTANG LARANG SEPANJANG MUSIM MENANAM PADI

Pesawah juga percaya kepada mimpi buruk seperti lemas, terlibat dengan kemalangan dan perkara-perkara yang tidak diinginkan berlaku. Sekiranya bermimpi buruk, pesawah akan membatalkan niat mereka turun ke bendang. Pesawah juga perlu membatalkan niat turun ke bendang sekiranya terdengar bunyi burung yang dipercayai boleh menyebabkan kejadian buruk berlaku. Antara contoh kejadian buruk tersebut adalah seperti kematian ahli keluarga terdekat dan hasil padi akan berkurangan. Antara jenis burung yang dikategorikan sebagai boleh mendatangkan kejadian buruk adalah seperti burung *beragai*, *papau*, *ketupung*, *changka* dan *embuas*. Amalan patuh kepada pantang larang berkaitan mimpi buruk dan bunyi burung ini sangat penting semasa aktiviti menebas dan menebang pokok dilakukan. Hal ini demikian kerana kerja-kerja seperti ini menggunakan benda tajam seperti parang, kapak, mesin rumput, mesin gergaji yang mendedahkan pesawah kepada risiko kemalangan. Pesawah juga berdepan dengan risiko lain seperti kena serangan lebah, ular dan risiko ditimpa pokok dan objek keras. Selain itu, pesawah juga akan berpantang sekiranya terdapat saudara mara terdekat atau orang kampung meninggal. Pesawah akan membatalkan niat turun ke bendang selama dua hingga tiga hari atau lebih. Sistem budaya pesawah Iban di Kuala Tatau terbahagi kepada tiga konsep seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 3.4.



Rajah 3.4: Konsep-Konsep dalam Sistem Budaya Pesawah Iban di Kuala Tatau

(Sumber: Daniel Ugih, 2013)

RUMUSAN

Adat, budaya dan amalan penanaman padi dalam kalangan pesawah Iban di Kuala Tatau telah menyumbang kepada pembangunan ekonomi, sosial dan budaya komuniti tersebut. Walaubagaimanapun, pembangunan pesat dalam sektor perindustrian di Bintulu menyebabkan aktiviti penanaman padi di Kuala Tatau semakin kurang dilakukan. Ini berpunca daripada penghijrahan buruh antara sektor padi ke sektor lain terutamanya sektor perindustrian dan perladangan di Bintulu, faktor belia yang kurang berminat terlibat dalam sektor padi, pulangan yang rendah dan perubahan guna tanah juga mengundang kepada masalah tersebut.

RUJUKAN

- Freeman, D. (1955). *Report on the Iban of Sarawak: Vol. 1: Iban social organization*. Kuching, Sarawak: Government Printing Office.
- Ireson, C. (1996). *Field, forest and family: Women's work and power in rural Laos*. Boulder, CO: Westview Press.

- Jackson, J. C. (1976). *Sarawak: Satu kajian ilmu alam tentang sebuah negeri yang sedang membangun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jensen, E. (1974). *The Iban and their religion*. Oxford Monographs on Social Anthropology, Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde, Deel 133, 2de/3de Afl. KITLV, Royal Netherlands Institute of Southeast Asian and Caribbean Studies. <http://www.jstor.org/stable/27863144>. Diakses pada 20 April 2015.
- Melling, J. (1988). Aspek sosial kebudayaan dan keagamaan masyarakat Iban di Sarawak. Dalam Dewan Bahasa dan Pustaka, *Adat Resam Penduduk Sarawak*, Kuching: Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak.
- Mohd. Taib Osman. (1989). *Malay folk beliefs: An integration of disparate elements*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ohmart J. (2002). *Direct marketing to schools – A new opportunity for family farmers*. UC Sustainable Agriculture Research and Education Program. <http://www.sarep.ucdavis.edu/sfs/dm/cs/dm>. Diakses pada 23 Julai 2016.
- Pulido, J. S. & Bocco, G. (2003). The traditional farming system of a Mexican indigenous community: the case of Nuevo San Juan Parangaricutiro, Michoacan, Mexico. *Journal of Geoderma*. 111(2003), 249-265.
- Surasin, J. (1996). *Indigenous knowledge in natural resource management. The case of two villages in Thailand*. Universiti of Wisconsin-Madison: Ph. D. Thesis. (Tidak diterbitkan).
- Scott, S. (2003). Gender, household headship and entitlements to land: New vulnerabilities in Vietnam's decollectivization. *Gender, Technology and Development*, 7(2), 233–263.
- Wan Hashim (1984). *Petani dan persoalan agraria*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.